



WE ARE HIRING

AIR TRAFFIC CONTROL OFFICER GRADE A41
LOCATION: ENTIRE MALAYSIA

JOB DESCRIPTION:

Air Traffic Controller Officers (ATCO) are trained personnel responsible to keep air traffic safe, orderly, and efficient. ATCO's main role is to assist pilots during take-off, landing, on the ground and while operating in controlled airspace and to ensure aircraft are kept in a safe distance and apart from one another. Each ATCO will be responsible for a particular section of the airspace and their tasks include frequent radio contact with pilots to provide instructions, advice, and the required information to pilots.

Eligible candidates are encouraged to apply for the aforementioned position by submitting application form, resume, academic qualifications, and supporting documents via www.caam.gov.my/resources/announcements/career/. Kindly note that only applications submitted through **CAAM website** will be considered.

The deadline for applications is **9th April 2023, at 11:59 p.m.**

*Recruitments are subject to vacancies and only candidates who have been shortlisted for an interview will be contacted.



WWW.CAAM.GOV.MY



CIVIL AVIATION AUTHORITY OF MALAYSIA



CAA_MALAYSIA

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENGANGKUTAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

GRED JAWATAN/GAJI : A41, A44, A48, A52, A54

TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2021

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: RM2,325.00); atau
(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: RM2,635.65).
- dan (d) (i) Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains serta Kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) lulus Ujian Kecenderungan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik;
- (iii) lulus pemeriksaan perubatan *Aviation Medical Examination Class III* seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik; dan
- (iv) hadir dan lulus kursus asas Kawalan Trafik Udara dalam bidang *Primary Air Traffic Control* dan *Area Procedural Control*.
- atau (e) (i) pesara atau bekas pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berpangkat sekurang-kurangnya Leftenan Muda atau setaraf dengannya dan disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) mencapai sekurang-kurangnya tahap 4 dalam peperiksaan *English Language Proficiency* yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) atau setaraf; dan
 - (b) memiliki lesen lapangan aktif (*live rating*) atau kompetensi lapangan aktif (*live competency*).
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: RM2,635.65).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i) dan 1(c)(ii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) lulus kursus *Area Control* dan mendapat *Area Control Rating*; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred A41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan tamat dengan jayanya kursus *A.T.C Radar* serta memperolehi *A.T.C Radar Rating* sebelum tamat tempoh percubaan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
 - (c) hadir dengan jayanya kursus *A.T.C Radar* serta memperolehi *A.T.C Radar Rating* seperti yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A44**

11. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A44 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A48**

12. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A48 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A52**

13. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A52 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A54**

14. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A54 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

15. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Kawalan Trafik Udara yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).